

Headline
Date
MediaTitle
Section
Journalist
Frequency
Circ / Read

10 agensi sertai Pameran HIV/AIDS
19 Oct 2010
Berita Harian (Utara)
Berita
N/A
Daily
231,163 / 1,368,000

Language
Page No
Article Size
Color
ADValue
PRValue

Malay
7
257 cm²
Full Color
6,763
20,290



10 agensi sertai Pameran HIV/AIDS

LUMUT: Sebanyak 10 agensi kerajaan dan swasta menyertai Pameran HIV/AIDS anjuran bersama Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Majlis AIDS Malaysia (MAM) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) di Pangkalan TLDM di sini, Sabtu lalu.

Selain TLDM, MAM dan JAKIM, pameran itu turut disertai Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Kebajikan Negeri (JKM), Jabatan Kesihatan Negeri, Hospital Seri Manjung, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Pertubuhan Komuniti Intan (PKI) dan Persatuan Penganut Buddha Ipoh.

Presiden MAM, Datuk Mohd Zaman Khan, berkata program itu bertujuan memberi kesedaran kepada komuniti mengenai penyakit HIV dan AIDS yang menular sekian lama sehingga di tahap membimbangkan.

Katanya, sejak kes pertama HIV dilaporkan pada 1986, Malaysia dikatakan telah beru-

saha untuk membanteras kes jangkitan ini namun ia masih tidak berkesan.

"Selepas beberapa tahun kebelakangan ini, sedikit kemajuan dicatatkan dalam mencegah penularan HIV ini," katanya kepada *Berita Harian* selepas Majlis Pelancaran Program Seminar, Pameran HIV/AIDS dan Forum Perdana Hal Ehwal Islam di sini.

Majlis pelancaran itu disempurnakan Panglima Armada TLDM, Laksamana Madya Datuk Seri Panglima Ahmad Kamarulzaman Ahmad Badaruddin.

Mohd Zaman berkata, setakat ini kira-kira 87,000 rakyat Malaysia dikenal pasti dijangkiti HIV dan setiap hari anggaran 10 orang dijangkiti virus itu.

Katanya, tanggapan masyarakat terhadap mereka yang hidup dengan HIV adalah membimbangkan dan ramai di antara mereka yang menghidap penyakit itu tidak berani untuk tampil ke depan bagi menerima rawatan sedia ada.

"Saya percaya, kesedaran dan

keprihatinan terhadap isu ini oleh masyarakat adalah kunci kepada pencegahan jangkitan dan pengurangan kemudaratannya penyakit ini.

"Selain itu, program selama sehari itu juga turut menampilkan dua sesi seminar iaitu mengenai Pengenalanan HIV/AIDS dan Program Pengurangan Kemudaratannya yang disampaikan oleh penceramah dari MAM, S Gunasegaran dan Shahrudin Ali Umar," katanya.

Sementara, rakaman Forum Perdana Hal Ehwal Islam sebanyak dua sesi diadakan bermula jam 8.45 malam menampilkan dua isu menarik iaitu HIV/AIDS yang membawa tajuk 'Semuanya Belum Terlambat' dan isu pembuangan bayi iaitu 'Kanda Ku Sayang, Bayi Ku Buang'.

Antara ahli panel yang terbahit ialah Pendakwah Bebas, Datuk Kamarudin Zakaria; Pengarah Bahagian Kanak-kanak JKM, Nor Amni Yusoff serta penampilan khas Selebriti Sokongan Riben Merah MAM, Fahrin Ahmad.



AHMAD Kamarulzaman (kiri) meninjau anggota TLDM yang menderma darah.

AINUL FARAHANA CHIK IJID | BERITA HARIAN